

Lawatan Anwar ke India serlah diplomasi ekonomi, autonomi strategik negara BRICS

- Autonomi strategik bermaksud kebebasan menentukan haluan sendiri dan keberanian mempertahankan pilihan berkenaan apabila diperlukan

- Diplomasi hanya benar-benar bermakna apabila menghasilkan perdagangan, pelaburan, akses pasaran, teknologi, peluang pekerjaan dan pengaruh yang memberi manfaat kepada negara



Oleh Prof Madya Dr Siti Darwinda Mohamed Pero
bhrencana@bh.com.my

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke India bersempena Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin BRICS Ke-18 di New Delhi boleh dianggap sebagai satu lagi usaha tersusun untuk memperluaskan ruang ekonomi, membina jaringan dengan kuasa-kuasa dunia dan meletakkan Malaysia secara lebih berwibawa dalam landskap antarabangsa yang semakin multipolar.

Penyertaan Malaysia sebagai Negara Rakan BRICS mempunyai nilai strategik yang besar. BRICS menyediakan ruang kepada negara sedang membangun untuk memperluas perdagangan, mendapatkan sumber pembiayaan alternatif dan mengurangkan kebergantungan berlebihan kepada pasaran tradisional.

Perdana Menteri menegaskan kekuatan geoekonomi BRICS terletak pada skala pasarnya yang luas serta kemampuannya membuka ruang kepada diversifikasi pembangunan dan kemakmuran bersama.

Apa yang menonjol daripada pendekatan Anwar ialah keupayaan Malaysia mengembangkan hubungan dengan BRICS tanpa menjadikan dasar luar negara sebagai pilihan binari antara Timur dengan Barat.

Inilah pengertian sebenar autonomi strategik. Ia bermaksud kebebasan menentukan haluan sendiri dan keberanian mempertahankan pilihan berkenaan apabila diperlukan. Dalam dunia semakin dicorakkan persaingan kuasa besar, pendekatan sebegini lebih sesuai dengan kepentingan sebuah negara perdagangan seperti Malaysia.

Malaysia juga tidak hadir ke BRICS sekadar untuk memenuhi protokol. Dalam ucapannya, Anwar membawa beberapa agenda substantif, termasuk pembaharuan sistem pembiayaan antarabangsa, pengukuhan peranan Bank Pembangunan Baharu (NDB), penggunaan mata wang tempatan dalam urus niaga serta potensi pasaran modal Islam.

Beliau turut membawa persoalan keadilan ekonomi global dengan menegaskan sesebuah negara tidak seharusnya terpaksa memilih antara membayar hutang dengan memenuhi tanggungjawab menyediakan pendidikan, kesihatan dan keperluan asas rakyat.

Dalam pada itu, India sendiri mempunyai kepentingan besar kepada Malaysia. Negara itu ialah rakan dagang terbesar Malaysia di Asia Selatan, dengan perdagangan dua hala sekitar RM79 bilion pada 2025. Eksport Malaysia ke India bernilai RM52.3 bilion, antaranya dalam minyak sawit serta produk elektrik dan elektronik.

Dalam pertemuan antara Anwar dan Perdana Menteri India, Narendra Modi, kedua-dua pemimpin membincangkan perdagangan dan pelaburan, pertahanan dan keselamatan, semikonduktor, infrastruktur, ekonomi digital, tenaga, fintech, pendidikan, pelancongan serta hubungan rakyat dengan rakyat. Kedua-duanya turut mengesahkan komitmen untuk terus memperkukuhkan Malaysia-India Comprehensive Strategic Partnership.

sive Strategic Partnership.

Pertemuan dengan pemain korporat India pula menunjukkan diplomasi berkenaan cuba diterjemahkan kepada hasil ekonomi. SEGULA Technologies India menyatakan hasrat menubuhkan Pusat Kejuruteraan Global di Malaysia, AWL Agri Business mengimport kira-kira RM1.5 bilion produk minyak sawit Malaysia, manakala Motherson Group meneroka pengembangan teknologi maklumat dan penyelesaian digital di Malaysia.

Malaysia berurusan dengan pemimpin utama dunia

Antara aspek paling penting lawatan ini ialah kemampuan Sidang Kemuncak BRICS menjadi medan untuk Malaysia berurusan secara langsung dengan beberapa pemimpin utama dunia dalam tempoh singkat.

Sejurus tiba di New Delhi, Anwar mengadakan pertemuan dengan Presiden Russia, Vladimir Putin. Perbincangan meliputi usaha merealisasikan penerbangan terus Malaysia-Russia, kemudahan perjalanan tanpa visa, kerjasama tenaga, peningkatan eksport minyak sawit serta usaha mengandakan perdagangan kedua-dua negara. Lebih penting, kedua-dua pihak bersetuju mewujudkan mekanisme khas untuk mempercepat pelaksanaan persetujuan dicapai.

Pertemuan dengan Presiden Iran, Dr Masoud Pezeshkian, pula memberikan ruang kepada Malaysia membincangkan ketegangan Selat Hormuz terus selamat sebagai laluan strategik tenaga serta perdagangan dunia. Pada masa sama, kedua-dua pihak meneroka kerjasama dalam tenaga, pertanian, minyak sawit, keterjaminan makanan, industri halal, teknologi dan pendidikan tinggi.

Anwar turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Ethiopia, Dr Abiy Ahmed Ali. Kedua-dua negara bersetuju memperluas hubungan dalam industri halal, pertanian, keterjaminan makanan, farmaseutikal, perkhidmatan digital, tenaga boleh baharu dan pelancongan. Malaysia juga mencadangkan rundingan dua hala pertama di Kuala Lumpur bagi memastikan hubungan berkenaan diterjemahkan kepada tindakan nyata.

Di sela-sela majlis makan malam BRICS, Perdana Menteri turut berinteraksi dengan Presiden Mesir, Presiden Indonesia, Presiden Kazakhstan, Timbalan Perdana Menteri Uzbekistan, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Perbincangan antara lain menyentuh konflik Gaza, ketegangan Asia Barat dan pelbagai isu hubungan dua hala.

Rangkaian pertemuan ini penting. Ia memperlihatkan bagaimana sebuah forum seperti BRICS membolehkan Malaysia melakukan diplomasi serentak di banyak penjuru, dengan kuasa besar seperti Russia, kuasa serantau seperti India, Indonesia dan Iran, negara Afrika serta institusi antarabangsa utama.

Di Kerala pula, lawatan diperluas kepada diplomasi pendidikan, agama dan hubungan masyarakat. Pertemuan dengan Mufti Besar India, Sheikh Abubakr Ahmad, merangkumi pembangunan masyarakat, pendidikan serta keharmonian antara agama sementara hubungan dengan kerajaan dan pemain perniagaan Kerala membuka ruang dalam perdagangan, pelaburan, pelancongan, kesihatan dan pendidikan.

Begitupun, diplomasi hanya benar-benar bermakna apabila ia menghasilkan perdagangan, pelaburan, akses pasaran, teknologi, peluang pekerjaan dan pengaruh yang memberi manfaat kepada negara.

Dalam konteks ini, pendekatan Anwar mempunyai kekuatan tersendiri. Beliau menggunakan satu lawatan untuk menggerakkan hubungan Malaysia-India, memperkukuh kedudukan Malaysia dalam BRICS, membuka pintu dengan korporat antarabangsa dan pada masa sama berunding dengan beberapa pemimpin penting dunia.

Lawatan ini sekali gus memperlihatkan Malaysia semakin bersedia memainkan peranan sebagai sebuah kuasa pertengahan yang aktif dan mempunyai suara sendiri. Malaysia tidak perlu menjadi negara besar untuk mempunyai diplomasi yang berpengaruh. Apa yang diperlukan hanyalah kejelasan kepentingan, kebijaksanaan membaca perubahan dunia dan kemampuan bercakap dengan semua pihak.



Anwar bersama pemimpin BRICS sempena Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS Ke-18 di New Delhi, India. (Foto BERNAMA)